



## UNTUK SIARAN SEGERA

### **KENYATAAN MEDIA**

#### **FRI GLAMI LEMI MELANCARKAN KEJAYAAN PEMBANGUNAN BAKA IKAN PATIN BUAH SEMPENA HARI BERTEMU PELANGGAN**

1. Hari Bertemu Pelanggan anjuran Bahagian Penyelidikan Perikanan Air Tawar (FRI Glami Lemi) merupakan salah satu program khusus Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dalam **menawarkan perkhidmatan kerajaan yang holistik dan berkualiti** demi untuk membantu nelayan, penternak ikan, pengusaha perikanan dan kumpulan sasar.
2. Konsep bertemu pelanggan adalah melalui sesi interaksi bersama kumpulan sasar, khidmat nasihat teknikal, sistem aduan dalam talian dan pelanggan boleh datang terus ke pejabat untuk membantu menyelesaikan permasalahan dan memudahcara perkara yang dilaksanakan oleh kumpulan sasar.
3. **Peranan Bahagian Penyelidikan DOF** sebagai agen pengembangan amatlah penting sebagai penghubung antara pihak Kerajaan dan kumpulan sasar di lapangan agar maklumat dan misi transformasi dapat disampaikan dengan cekap dan berkesan.
4. Di dalam majlis ini, FRI Glami Lemi telah melancarkan kejayaan **pembangunan baka spesies patin buah iaitu *Pangasius nasutus*** yang mendapat permintaan yang tinggi di pasaran dan merupakan satu dari 300 ikan asli tempatan di Semenanjung Malaysia.
5. FRI Glami Lemi berjaya membangunkan baka-baka induk patin yang berkualiti tinggi serta mempunyai kadar tumbesaran yang cepat, dengan inovasi sistem asuhan yang dapat **meningkatkan kadar kemandirian rega daripada 40% kepada 80%**.
6. Dengan kejayaan pembenihan ini juga, pihak DOF dapat menjalankan **pemuliharaan stok** di sekitar tempat asal ikan ini melalui program pelepasan umum demi memastikan kelestarian ikan di masa akan datang.

7. FRI Glami Lemi turut melancarkan **10 buah buku penerbitan** yang dapat membantu kumpulan sasar dalam memberi informasi, pemindahan teknologi dan juga sebagai panduan kepada pihak Jabatan dalam membuat keputusan. Senarai hasil penerbitan adalah seperti di LAMPIRAN.
8. DOF komited untuk mentransformasi industri perikanan negara bagi mencapai tiga objektif utama iaitu menjamin keselamatan bekalan makanan, menjadikan industri perikanan berdaya saing dan mampan dan sebagai satu perniagaan serta meningkatkan pendapatan kumpulan sasar.

###

Kenyataan media ini disiarkan oleh :

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

**27 Jun 2019 (Khamis) jam 1.00 petang**

Sebarang pertanyaan sila hubungi:-

No. Tel : 012-356 9344 (Yazeereen)

012-664 9570 (Aqilah)

Email : [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my) ; [pro@dof.gov.my](mailto:pro@dof.gov.my)

## LAMPIRAN

Tajuk-tajuk penerbitan adalah seperti berikut :

1. Manual Pembenihan, Asuhan dan Ternakan ikan Tilapia dalam Sangkar
2. Manual Pembenihan Patin Buah
3. Manual Pengurusan Ternakan Udang Galah
4. Manual Ternakan *Moina* sp. secara intensif dan higienik
5. Manual Tanaman Tumbuhan Akuatik
6. Mengenal Simptom Penyakit Ikan dan Udang Air Tawar
7. Manual Kualiti Air dalam Pengurusan Kesihatan Ikan Air Tawar
8. Kompilasi Hasil Penyelidikan Perikanan Darat RMK 11
9. Prosiding Seminar Perikanan Darat 2018
10. The State of Freshwater Aquaculture Industry in Malaysia